

# Saintis pernah menangis dapat gred 'C' dalam subjek Kimia

► **NAZRY MOKHTAR**  
nazry@sph.com.sg

JURAIAN air mata pernah menitis di atas sekeping kertas yang menampilkan butiran keputusan peperiksaan GCE peringkat 'A' itu, keputusan gred C bagi mata pelajaran Kimia dirasakan sebagai setitik nila yang merosakkan susu sebelanga.

Walaupun cemerlang dalam hampir kesemua mata pelajaran dalam peperiksaan GCE peringkat 'A' itu, keputusan gred C bagi mata pelajaran Kimia dirasakan sebagai setitik nila yang merosakkan susu sebelanga.

Kini, mata pelajaran sains itu merupakan tunggak kejayaan dan basahan hidupnya. Sebagai Penolong Profesor di Jabatan Pembedahan Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Rufaihah Abdul Jalil, 38 tahun, bergantung kepada penguasaan ilmu sains untuk menggerakkan penyelidikan yang dijalankan.

"Semasa menerima keputusan GCE 'A', saya menangis sehari-hari. Saya sungguh kecewa. Saya bukannya meraikan keputusan baik yang saya terima tetapi beresedih dengan keputusan yang buruk.

"Tetapi ibu saya mengingatkan saya supaya berfikiran positif dan terus berusaha," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Perempuan Tanjong Katong dan Maktab Rendah Victoria itu.

Kekecewaan dalam peperiksaan GCE 'A' itu bukanlah yang pertama melanda hidupnya. "Kegagalan' lebih besar dirasakan menimpanya selepas beliau "hanya mendapat" ijazah Kejujuran Kelas Dua Bawah bagi Sarjana Muda dalam Sains Gunaan (Bioteknologi) dari NUS.

Beliau hampa dengan keputusan itu kerana mengharapkan sekurang-kurangnya ijazah kejujuran dua atas bagi memudahkan laluan mengikuti pengajian lanjutan ke pe-

ringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Mujur peluang melanjutkan pengajian tidak terkubur begitu sahaja. Dr Rufaihah berjaya meyakinkan pasukan penilaian NUS agar memberinya biasiswa penyelidikan untuk mengikuti ijazah PhD dalam Sains Bio Perubatan di universiti itu.

Menyusuli kejayaan itu, beliau terus meniti tangga kejayaan dan berjaya menamatkan program pos PhD di Universiti Stanford, yang merupakan antara universiti berprestij di Amerika Syarikat.

Kini, beliau giat mengkaji pembalakan dan penyegaran semula tisu manusia dengan matlamat menghasilkan bahan bio dan sel untuk merawat penyakit jantung dan saluran darah.

Sejauh ini, lebih 25 hasil kajiannya telah dibentangkan di jurnal perubatan antarabangsa.

Biarpun sibuk dengan urusan rumah tangga dan kerjaya, ibu anak kembar perempuan berusia 20 bulan itu sempat meluangkan masa menyumbang kepada masyarakat melalui kerja sukarela.

Dr Rufaihah adalah anggota Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan anggota bersekutu Jawatankuasa Fatwa badan itu.

Beliau juga berkhidmat sebagai anggota lembaga pengarah Warees Halal Ltd dan Lembaga Gabenor Politeknik Temasek.

"Saya anggap tugas saya sebagai saintis Muslimah adalah fardu kifayah.

"Dengan ilmu yang saya ada, saya harap dapat berkhidmat kepada masyarakat dan memberi nilai tambahan. Saya telah meraih banyak faedah daripada masyarakat dan sudah tiba masanya saya menyumbang balik," kata beliau yang pernah menerima biasiswa dan geran kewangan daripada beberapa pertubuhan seperti Yayasan Mendaiki, Persatuan Derma Amanah Muslimin (MTFA) dan Muis.

Di samping peranannya di

## AKTIVIS MUDA



### BIODATA DR RUFAlHAH ABDUL JALIL

**Nama:** Dr Rufaihah Abdul Jalil

**Umur:** 38 tahun

**Kerjaya:** Penolong Profesor di Jabatan Pembedahan, Universiti Nasional Singapura (NUS).

**Kerja Kemasyarakatan:**

Beliau adalah anggota Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan anggota bersekutu Jawatankuasa Fatwa badan itu.

Beliau juga anggota lembaga pengarah Warees Halal Ltd dan Lembaga Gabenor Politeknik Temasek.

Dr Rufaihah juga giat menjalankan inisiatif sosialnya sendiri, Granada Academy yang menjalankan aktiviti bagi merangsang minat anak Melayu/Islam terhadap sains.

**Status:** Sudah berumah tangga dan mempunyai anak kembar perempuan.

badan-badan rasmi, Dr Rufaihah juga giat menjalankan inisiatif sosialnya sendiri, Granada Academy.

Badan bukan mencari untung itu dijayakan dengan bantuan beberapa sukarelawan dan bertujuan merang-

sang minat anak Melayu/Islam terhadap sains.

Antara program yang dijalankan termasuk bengkel sains, lawatan ke taman dan pusat ilmu, latihan makmal dan sesi merangsang motivasi.

Sejak ditubuhkan pada 2011, badan itu telah mendekati lebih 800 anak Melayu/Islam melalui program yang dijalankan.

"Saya rasa selesai menyumbang tenaga sukarela dalam bidang yang saya minati. Saya juga berharap dapat menjadi contoh kepada generasi muda. Semoga mereka terangsang agar cemerlang dalam sains dan menjadikannya satu kerjaya," kata beliau yang kerap diundang memberi ceramah kepada orang ramai.

Minatnya terhadap sains sudah mula dicurahkan kepada anak-anak.

"Saya buat satu permainan puting beliung air dan anak saya seronok melihat air berpusing-pusing dalam botol.

"Tidak susah kita gunakan sekitaran di rumah dan di sekeliling kita untuk dedahkan anak pada sains," kata beliau yang tinggal di flat empat bilik di kawasan utara bersama anak dan suami, Encik Muhd Isa Mitzcavitch, warga Amerika yang bekerja sebagai guru bahasa Inggeris di sebuah pusat pendidikan di sini.

### MAHU MENYUMBANG KEMBALI:

Dr Rufaihah, yang memberitahu bahawa beliau meraih banyak faedah daripada masyarakat, berasa sudah tiba masanya bagi beliau menyumbang balik kepada masyarakat.

— Foto NAZRY MOKHTAR